



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY &
INNOVATION)
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL
SELANGOR



30 Jun 2011

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 3/2011

NOTIS PEMBERITAHUAN TALIAN “HOTLINE”1800-88-7999 UNTUK KECEMASAN SINARAN SAHAJA

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai penggunaan talian “hotline”1800-88-7999 AELB bagi membuat sebarang aduan dan panggilan kes kecemasan sinaran di Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Bagi melindungi orang awam, pekerja dan alam sekitar daripada bahaya sinaran mengion, Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46] yang **mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2010** telah memperuntukkan peraturan-peraturan bagi pemegang lesen untuk memaklumkan sebarang kejadian/kemalangan radiologikal dan nuklear dengan segera kepada pihak berkuasa yang berkenaan iaitu Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB). Peraturan-peraturan ini adalah terpakai untuk semua aktiviti yang melibatkan aplikasi sinaran mengion dalam pelbagai bidang di Malaysia.

3. P.U.(A)46 telah menggariskan jenis-jenis pemberitahuan yang perlu dibuat kepada AELB dalam tempoh 24 jam kejadian iaitu :

3.1 Pemberitahuan dan laporan mengenai semua dedahan tidak sengaja atau dedahan kecemasan [Peraturan 26.(1), P.U. (A) 46];

3.2 Pemberitahuan dan laporan mengenai kecurian, kehilangan atau sabotaj [Peraturan 71. (1) (a), P.U. (A) 46]; dan

3.3 Pemberitahuan mengenai keadaan yang menghendaki tindakan perlindungan telah timbul atau dijangka akan timbul [Peraturan 73. (1) (a), P.U. (A) 46].

4. P.U. (A) 46 juga menguatkuasakan peraturan mengadakan latihan berkenaan pelan kecemasan bersama dengan AELB [Peraturan 68 (7)].

ARAHAN AELB

5. AELB telah menyediakan satu talian khas kecemasan untuk memaklumkan atau membuat aduan sebarang kejadian kecemasan sinaran melalui talian **1800-88-7999** yang dibuka **24 jam dan tujuh hari seminggu.**

6. Talian ini hendaklah digunakan untuk membuat makluman atau aduan berhubung perkara-perkara berikut sahaja :

6.1 Pemberitahuan semua dedahan tidak sengaja atau dedahan kecemasan;

6.2 Pemberitahuan mengenai kecurian, kehilangan atau sabotaj;

6.3 Pemberitahuan apabila timbul keadaan di mana tindakan perlindungan perlu diambil atau dijangka perlu diambil;

6.4 Pemberitahuan terjumpa bahan radioaktif atau bahan nuklear terbiar; dan

6.5 Pemberitahuan kejadian atau kemalangan yang melibatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear (contohnya kebakaran atau kemalangan jalanraya).

7. Bagi tujuan mengadakan latihan/drill, talian ini juga boleh digunakan semasa melakukan latihan terhadap pelan kecemasan. Namun demikian, panggilan seumpama ini hendaklah dimulakan dengan ayat berikut :

“Ini adalah panggilan **latihan/drill** kecemasan”.

8. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan nombor talian khas kecemasan pada notis tindak balas kecemasan di premis masing-masing di tempat yang mudah dilihat supaya individu yang terlibat dapat menghubungi AELB melalui talian khas ini sekiranya berlaku kecemasan sinaran.

9. Segala panggilan lain seperti pertanyaan berhubung dengan permohonan lesen hendaklah dibuat kepada talian am AELB iaitu 03-89225888.

PENUTUP

10. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah;

Ketua Pengarah
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon : 03-89225888
No.Faks : 03-89223685
E-mail : MNR-Customer@aelb.gov.my
Laman Web : <http://www.aelb.gov.my>